



26 Nov 2015

Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Ekonomi • Page: 17 • Printed Size: 142.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 2,806.53
PR value: MYR 8,419.59 • Item ID: MY0024555661

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

MSM teroka segmen hulu

Oleh **NUR HANANI AZMAN**

ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 25 Nov. - MSM Malaysia Holdings Bhd. (MSM) sedang giat meneroka segmen hulu di Indonesia dan Sri Lanka sebagai strategi mempelbagaikan portfolio kumpulan serta memastikan pertumbuhan konsisten.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya, Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod berkata, MSM sedang berbincang dengan beberapa syarikat untuk tujuan itu dengan melihat potensi penggabungan dan pengambilalihan (M&A).

Katanya, syarikat menyasarkan tanah seluas 20,000 sehingga

22,000 hektar dan mempunyai memperuntukkan perbelanjaan modal (capex) yang tinggi bagi tujuan itu.

Ujar beliau, tiada tempoh waktu ditetapkan bagi proses pengambilalihan itu kerana ia bergantung kepada keputusan kerajaan di dua negara berkenaan.

“Strategi ini seiring dengan matlamat syarikat untuk mengeluarkan sehingga empat juta tan metrik gula pada 2020,” katanya dalam sidang akhbar selepas mengumumkan keputusan kewangan suku ketiga berakhir 30 September 2015 di sini hari ini.

MSM yang merupakan anak syarikat Felda Global Ventures

Holdings Bhd. (FGV), buat masa ini menguasai sebanyak 64 peratus pasaran industri gula tempatan.

MSM merekodkan peningkatan keuntungan selepas cukai sebanyak 33.2 peratus kepada RM63.87 juta pada suku ketiga berakhir 30 September 2015 berbanding RM47.96 juta pada suku sama tahun lalu.

Prestasi yang mantap itu disumbangkan oleh inisiatif mengoptimalkan kos kumpulan secara menyeluruh dan hasil daripada mekanisme strategi pasaran hadapan.

Dalam perkembangan lain, pejabat dagangan baharu MSM di Dubai telah memperoleh kelulusan dan akan memulakan operasi secara rasmi pada 2 Januari 2016.

Entiti Dubai itu juga mempunyai pejabat perwakilan di Jakarta yang akan memulakan operasi pada waktu sama dengan fokus menerokai pasaran itu di samping mengintai peluang pelaburan.



**SHEIKH AWAB
SHEIKH ABOD**



26 Nov 2015

Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Ekonomi • Page: 17 • Printed Size: 142.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 2,806.53
PR value: MYR 8,419.59 • Item ID: MY0024555661

 isentia mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

DISCOVERED

Brand: Federal Land Development Authority
Company: Federal Land Development Authority
Industry: Agricultural & Farming > Agricultural & Farming Associations
Category: Company News > General News

Company: Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV)
Industry: Agricultural & Farming > Agricultural & Farming Corporate & Company
Category: Company News > General News

Brand: MSM Malaysia Holdings Berhad
Company: MSM Malaysia Holdings Berhad
Industry: Cooking Ingredient > Bakery Supply
Category: Company News > General News

SUMMARIES

KUALA LUMPUR 25 Nov. - MSM Malaysia Holdings Bhd. (MSM) sedang giat meneroka segmen hulu di Indonesia dan Sri Lanka sebagai strategi mempelbagaikan portfolio kumpulan serta memastikan pertumbuhan konsisten. Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya, Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod berkata, MSM sedang berbincang dengan beberapa syarikat untuk tujuan itu dengan melihat potensi penggabungan dan pengambilalihan (M&A).